



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 30 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **17,725 kes** (2,054,824 kes kumulatif, 91.5%);
- Kes baharu : **12,735 kes** (2,245,695 kes kumulatif);
- Kes import : **17 kes** (9 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **12,718 kes** [11,842 warganegara (93.1%); 876 bukan warganegara (6.9%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **924 kes** (849 kes COVID-19; 75 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **512 kes** (387 kes COVID-19; 125 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,477 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,389 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,088 kluster**.

Daripada **12,735 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **220 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **12,515 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>.

## **KEMUDAHAN SUAMI ATAU WARIS KELUARGA TERDEKAT MENEMANI ISTERI SEMASA PROSES KELAHIRAN DI WAD BERSALIN HOSPITAL KKM**

Untuk makluman, semua hospital KKM merupakan Hospital Rakan Bayi (*Baby Friendly Hospital*). Melalui inisiatif ini, hospital menggalakkan sama ada suami ataupun ahli keluarga terdekat untuk menemani isteri semasa proses kelahiran. Ini adalah kerana proses kelahiran memerlukan sokongan yang kuat dari aspek emosi dan fizikal. Inisiatif ini juga bergantung kepada polisi di setiap hospital dengan mengambil kira aspek keselamatan, privasi pesakit serta situasi semasa di dalam bilik bersalin.

Semasa peningkatan jangkitan COVID-19, pihak hospital berusaha untuk mengurangkan kesesakan di premis-premis kesihatan KKM. Salah satu daripada langkah yang diambil adalah dengan tidak membenarkan suami masuk ke bilik bersalin. Tujuan utama adalah bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 khususnya dalam kalangan golongan berisiko tinggi seperti kumpulan ibu hamil dan kanak-kanak.

Berikutan suasana pandemik negara yang mula menunjukkan tanda-tanda positif dan peningkatan kadar vaksinasi, sukacita dimaklumkan, **berkuatkuasa 4 Oktober 2021**, KKM telah membenarkan para suami atau ahli keluarga terdekat keluarga terdekat untuk menemani ibu hamil semasa bersalin dengan mematuhi kriteria yang ditetapkan iaitu;

- (i) Suami atau ahli keluarga terdekat **telah menerima dos vaksin lengkap** COVID-19 iaitu;
  - 14 hari selepas dos kedua bagi vaksin jenis dua (2) dos seperti Pfizer, Sinovac, dan Astra Zeneca; atau
  - 28 hari selepas menerima vaksin jenis satu (1) dos seperti CanSino dan Johnson & Johnson.
  
- (ii) Suami atau ahli keluarga terdekat perlu **menjalani ujian pengesanan COVID-19** (RT-PCR atau RTK-Ag) di mana-mana fasiliti kesihatan atau makmal swasta dalam tempoh 72 jam dan keputusan ujian hendaklah dibawa bersama sebelum menemani ibu hamil di Wad Bersalin. Suami atau ahli keluarga terdekat juga perlu mengehendakan pergerakan mereka selepas menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag;

### **ATAU**

- (iii) Suami atau ahli keluarga terdekat boleh membeli Kit Ujian Kendiri COVID-19 yang telah mendapat kelulusan dari

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dan membawanya ke hospital bagi menjalani ujian pengesanan sendiri COVID-19 di tempat saringan yang disediakan di hospital dengan dipantau dan disahkan oleh anggota kesihatan yang bertugas.

Selain itu, para suami dan ahli keluarga terdekat yang menemani para ibu hamil ini juga diingatkan untuk **sentiasa mengamalkan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP)** sepanjang menemani ibu hamil ini. Ini kerana mereka merupakan golongan berisiko tinggi yang perlu sentiasa dilindungi. KKM berharap masyarakat terutama ibu hamil serta suami dan keluarga dapat mengambil manfaat daripada kemudahan yang telah diberikan ini.

Surat arahan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bertarikh 28 September 2021 mengenai pelaksanaan inisiatif ini telah diedarkan kepada semua Pengarah Kesihatan Negeri untuk pelaksanaan mulai 4 Oktober 2021. Ini bagi memberi ruang kepada pihak hospital untuk menjalankan persediaan yang diperlukan.

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 September 2021 @ 6:00 petang.

## LAMPIRAN 1

### BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	PURATA KES 7 HARI*	KADAR INSIDEN **	BILANGAN KES BAHARU ( )***	BILANGAN KES KUMULATIF
SARAWAK	2,700	91.63	2,487	209,624
SELANGOR	1,633	23.96	1,940 (4)	677,662
JOHOR	1,384	34.79	1,241 (2)	195,845
KELANTAN	1,091	54.60	1,232	115,308
SABAH	991	24.10	993 (5)	197,973
PULAU PINANG	934	51.13	763	130,209
PERAK	920	51.88	913	102,229
KEDAH	782	34.01	1,033	134,835
PAHANG	679	25.80	697 (1)	64,717
TERENGGANU	672	50.97	726	55,645
MELAKA	328	33.73	194	58,345
WP KUALA LUMPUR	256	13.30	258 (4)	186,060
NEGERI SEMBILAN	144	12.28	132 (1)	97,244
PERLIS	58	21.74	97	3,892
WP PUTRAJAYA	25	25.92	28	6,144
WP LABUAN	3	2.46	1	9,963
<b>MALAYSIA</b>	<b>12,599</b>	<b>36.80</b>	<b>12,735 (17)</b>	<b>2,245,695</b>

\*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

\*\*Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

\*\*\*Kes import



## LAMPIRAN 2

Perincian 12,735 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 30 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SARAWAK	2,487	25	1,313	-	1,149
SELANGOR	1,940	112	901	4	923
JOHOR	1,241	107	614	2	518
KELANTAN	1,232	29	798	-	405
KEDAH	1,033	38	584	-	411
SABAH	993	13	492	5	483
PERAK	913	81	399	-	433
PULAU PINANG	763	15	267	-	481
TERENGGANU	726	5	568	-	153
PAHANG	697	311	302	1	83
WP KUALA LUMPUR	258	3	106	4	145
MELAKA	194	22	76	-	96
NEGERI SEMBILAN	132	2	73	1	56
PERLIS	97	-	38	-	59
WP PUTRAJAYA	28	-	21	-	7
WP LABUAN	1	1	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>12,735</b>	<b>764</b>	<b>6,552</b>	<b>17</b>	<b>5,402</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 3****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 30 SEPTEMBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Industri Batu 21 Jalan Pontian	Tempat Kerja	Johor	Kulai	26	116
2	Perusahaan Tanjung Labuh	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	22	38
3	Industri Sri Tanjung	Tempat Kerja	Johor	Tangkak dan Muar	10	21
4	Jalan Teknologi Dua Gopeng	Tempat Kerja	Perak	Kampar dan Kinta	36	155
5	Tapak Bina Jalan Kamunting	Tempat Kerja	Perak	Larut, Matang, dan Selama	20	116
6	Dua Jalan Puchong	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	79	318
7	Industri Dua Anggerik Mokara 48	Tempat Kerja	Selangor	Klang, Petaling, dan Hulu Langat	44	113
8	Dah Tapak Bina Padang	Tempat Kerja	Kedah	Kulim	30	81
9	Sungai Miang	Tempat Kerja	Pahang	Pekan	51	121
10	Kampung Padang Tok La Hilir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	13	16
11	Kampung Jejawi Alor Pasir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	11	11

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
12	Kampung Dalam Pupoh	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	10	15
13	Kampung Simpang Tiga Banggol Petaling	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	8	10
14	Long Pasia	Komuniti	Sabah	Sipitang	25	25
15	Jalan Taib	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Kota Tinggi	11	85

**NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 29 SEPTEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
MELAKA	1.01
WP PUTRAJAYA	1.01
PAHANG	0.99
PERAK	0.96
TERENGGANU	0.96
KELANTAN	0.95
PERLIS	0.95
SARAWAK	0.93
JOHOR	0.93
NEGERI SEMBILAN	0.89
PULAU PINANG	0.87
WP KUALA LUMPUR	0.86
SELANGOR	0.85
KEDAH	0.85
SABAH	0.84
WP LABUAN	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.89</b>